

Pengesahan Model Kajian Menggunakan Analisis Faktor Kesahan (AFK) Bagi Konstruk Pengetahuan Agama, Kaedah Penyampaian, Kecerdasan Emosi dan Peningkatan Amal Ibadah dalam Kalangan Komuniti Masjid

BITARAVolume 2, Issue 1, 2019: 062-073
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Validation of Study Model Using Validation Factor Analysis (AFK) for Religious Knowledge Construction, Delivery Methods, Emotional Intelligence and Improvement of Religious Practices in the Mosque Community]

Muhamud Salleh¹, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi¹, Zamri Chik¹
& Hanif Md Lateh @ Junid¹

Abstrak

Pengesahan model kajian menggunakan Analisis Faktor Kesahan (*Confirmatory Factor Analysis-CFA*) adalah sangat penting dalam membina model kajian. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengesahkan model kajian berdasarkan konstruk pengetahuan agama, kaedah penyampaian, kecerdasan emosi dan peningkatan amal ibadah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa analisis CFA yang dijalankan ke atas model pengukuran bagi konstruk pengetahuan agama, kaedah penyampaian, kecerdasan emosi dan peningkatan amal ibadah (akidah, syariat dan akhlak) telah mencapai nilai tahap indeks kesepadanan (*fitness indexes*). Manakala Analisis Faktor Kesahan gabungan semua model pengukuran (*Pooled analysis*), menunjukkan kesemua empat kategori indeks kesepadanan model untuk kesemua model pengukuran konstruk telah di capai dan kesahan diskriminan untuk semua konstruk dalam model juga telah dicapai. Kesimpulannya, model yang dibangunkan ini sesuai untuk menentukan pengetahuan agama, kaedah penyampaian dan kecerdasan emosi para Jemaah Tabligh semasa menyampaikan kuliah kepada komuniti masjid terhadap peningkatan amal ibadah dari aspek akidah, syariat dan akhlak.

Kata Kunci

Confirmatory Factor Analysis(*CFA*), Structural Equation Modeling(*SEM*), Pooled *CFA*, *Akidah*, *Syariat*, *Akhlak*

Abstract

Validation of the study model using the Confirmatory Factor Analysis (CFA) is very important in the design of the study model. This research was therefore conducted to validate a research model focused on the construction of religious knowledge, the method of presentation, emotional intelligence and the development of religious worship. The findings of the study showed that the CFA analysis conducted on measuring models for the construction of religious knowledge, methods of presentation, emotional intelligence and improvement of religious practices (creed, rules and morals) has risen to the level of fitness indexes (fitness indexes). While the Integrated Factor Analysis of all

¹Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.
E-mail: drkuzaki@unisza.edu.my

measurement models (Pooled Analysis) has been carried out, all four categories of model fit indexes for all construction measurement models have been achieved and discriminatory validity for all models in the model has been accomplished. In conclusion, the model was developed to assess the religious understanding, methods of presentation and emotional intelligence of the Tabligh Congregations, while at the same time providing lectures to the Mosque group on enhancing religious practices in terms of religion, Shari'a and morality.

Keywords

Confirmatory Factor Analysis (CFA), Structural Equation Modeling (SEM), Pooled CFA, Akidah, Syariat, Akhlak

Cite This Article:

Muhamud Salleh, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Zamri Chik & Hanif Md Lateh @ Junid. 2019. Pengesahan model kajian menggunakan Analisis Faktor Kesahan (AFK) bagi konstruk pengetahuan agama, kaedah penyampaian, kecerdasan emosi dan peningkatan amal ibadah dalam kalangan komuniti masjid. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 62-73.

Pengenalan

Gerakan dakwah Jemaah Tabligh merupakan salah satu badan dakwah yang banyak memberi sumbangan kepada usaha awal pergerakan dakwah di Tanah Melayu (Ab. Aziz et al. 2006). Bahkan sehingga kini, gerakan ini merupakan sebuah gerakan dakwah yang mempunyai puluhan ribu pengikut, sekaligus membuktikan pengaruhnya semakin tersebar meluas dalam masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Kehadiran gerakan Jemaah Tabligh ke Malaysia berlaku sekitar tahun 1950an dan pada mulanya berkembang dalam kalangan orang-orang India Muslim sahaja. Tokoh yang membawa dan memperkenalkan gerakan ini di Malaysia ialah Maulana Abdul Malik Madani. Gerakan Jemaah Tabligh telah berpusat di Masjid India, Kuala Lumpur (Syarul 2006). Pada tahun 1970-an, gerakan Jemaah Tabligh telah mula mendapat sambutan dalam kalangan orang Melayu. Gerakan ini juga telah tersebar luas di negeri Kelantan, Pulau Pinang dan Terengganu. Pada tahun 1977, sebanyak 20 buah masjid di Kuala Lumpur yang dijadikan pusat gerakan Jemaah Tabligh. Manakala pada tahun 1993, pusat Jemaah Tabligh Malaysia telah berpindah ke Masjid Jamek, Bandar Baru Seri Petaling. Sehingga kini berfungsi sebagai pusat utama gerakan Jemaah Tabligh di Malaysia untuk menguruskan ahli-ahli Jemaah Tabligh dan gerakan dakwahnya (Syarul 2006).

Walaupun bagaimanapun, Jemaah Tabligh sehingga kini tidak pernah diisytiharkan secara rasmi sebagai satu pertubuhan ataupun persatuan. Mereka lebih kepada sebuah gerakan yang bebas dan bergerak mengikut kaedah mereka sendiri. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa Jemaah Tabligh seolah-olah telah mengecualikan gerakan mereka daripada terlibat dengan isu-isu politik semasa (Zarifah 1999; Zaitun 2003; Samsiah 1992). Ini kerana, aspek utama gerakan dakwah Jemaah Tabligh adalah penumpuan terhadap tarbiah, pembentukan akhlak dan pendidikan serta penyuburan iman kepada Allah S.W.T. Oleh itu, kepekaan mereka terhadap permasalahan dan isu yang timbul baik dari segi politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya, kurang diberi perhatian (Syarul 2006).

Kaedah pendekatan dakwah yang digunakan oleh Jemaah Tabligh adalah berbeza dengan dakwah yang sering disampaikan oleh pendakwah-pendakwah lain, terutama mengajak

komuniti masyarakat mengikuti bersama dalam aktiviti mereka. Masyarakat sering kali memandang negatif dan keliru dengan kaedah yang digunakan oleh Jemaah Tabligh, terutama mengajak keluar berdakwah bersama mereka selama tiga hari, 40 hari, 4 bulan dan sebagainya. Kaedah ini menyebabkan seseorang itu terpaksa meninggalkan pekerjaan, kawan-kawan dan keluarga untuk mengikuti aktiviti Jemaah Tabligh, dan menyebabkan mereka kurang berminat untuk mengikutinya. Namun, masih ramai komuniti masyarakat yang masih dan boleh menerima pendekatan dakwah Jemaah Tabligh terutama mendengar kuliah (bayan) yang disampaikan setiap kali selepas solat fardu.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk membuat pengesahan ke atas konstruk yang digunakan dalam pendekatan dakwah yang dijalankan oleh Jemaah Tabligh semasa menyampaikan kuliah kepada komuniti masjid dalam meningkatkan amal ibadah dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Konstruk-konstruk yang diuji untuk pengesahan dalam kajian ini terdiri daripada konstruk pengetahuan agama, kaedah penyampaian, kecerdasan emosi dan peningkatan amal ibadah (akidah, syariat dan akhlak).

Analisis Model Analisis Faktor kesahan (AFK) (Confirmatory Factor Analysis-CFA)

Dua model yang perlu dianalisis untuk menjalankan sesuatu Model Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modeling* - SEM), iaitu: 1) Model Pengukuran (*Measurement Model*); dan 2) Model Berstruktur (*Structural Model*). Menurut Awang (2012; 2014; 2015) dan Hoque et al. (2017) dua langkah yang perlu dijalankan semasa membina Model Persamaan Berstruktur (SEM), antaranya adalah:

1. Mengesahkan Model Pengukuran bagi kesemua konstruk yang terlibat menggunakan kaedah Analisis Faktor kesahan (AFK)
2. Membina model bagi kesemua konstruk dalam Model Berstruktur (*Structural Model*) dan melakukan prosidur Model Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modelling*) (Hair et al. 2006; Awang 2011; 2012; 2014; 2015; Hoque et al. 2017; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016).

Kesepadanan Model Pengukuran dengan data kajian adalah penting untuk menentu sahkan sesuatu Model Persamaan Berstruktur (SEM) itu (Awang 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Hoque et al. 2017; Kashif et al. 2016). Model Persamaan Berstruktur yang dibina menjadi tidak sah apabila Model Pengukuran tidak sepadan dengan data dari lapangan. Justeru, semasa membuat analisis SEM perlu menentukan kesepadanan Model Pengukuran terhadap data dari lapangan. Menggunakan Analisis Faktor kesahan (AFK) bagi menjalankan Analisis kesepadanan Model Pengukuran berdasarkan kepada data lapangan. Melalui pendekatan CFA, perlu menguji secara statistik bagi mengesahkan Model Pengukuran ke atas konstruk yang dibina.

Pengujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran

Sebelum menilai kesepadanan sesuatu model dibina, penilaian bagi unidimensionaliti, Kesahan (*Validity*) dan Kebolehpercayaan (*Reliability*), perlu dijalankan terlebih dahulu bagi Model Pengukuran konstruk dalam kajian. Berikut antara pengenalan berkaitan dengan *unidimensionality*, *Validity* dan juga *Reliability*.

1. Unidimensionaliti - Keperluan ini boleh dipenuhi melalui prosedur penyingkiran item-item (*items deletion procedure*) yang mempunyai nilai Pemberat Faktor (*Factor Loading*) yang rendah sehingga mencapai tahap Kesepadanan Indeks (*Fitness Indexes*) yang ditetapkan. Item yang mempunyai nilai pemberat faktor kurang daripada 0.6 dianggap tidak penting kepada pengukuran konstruk dan boleh disingkirkan (Awang 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Hoque et al. 2017; Kashif et al. 2016).
2. Kesahan (*Validity*) - Terdapat tiga jenis kesahan (*validity*) yang perlu dicapai bagi sesuatu model pengukuran konstruk, iaitu Kesahan Konstruk (*Construct Validity*), Kesahan Menumpu (*Convergent Validity*) dan Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity*) (Awang (2014; 2015; Awang et al., 2015a; Hoque et al., 2017; Kashif et al., 2016).
 - a) Kesahan Konstruk (*Construct Validity*) - Berdasarkan kepada ketepatan sesuatu instrumen pengukuran yang digunakan bagi mengukur konstruk yang digunakan dalam kajian. Menurut Awang (2012; 2014; 2015), Hoque et al. (2017), kesahan Konstruk menunjukkan sejauh mana sesuatu pernyataan dalam item yang digunakan dapat mengukur konstruk yang ingin diukur oleh penyelidik. Menurut Awang (2011; 2012; 2014; 2015) Kesahan Konstruk telah tercapai apabila semua Indeks Kesepadanan (*Fitness Indexes*) konstruk memenuhi tahap yang ditetapkan. Jadual 1 menunjukkan tiga kategori indeks kesepadanan yang perlu dicapai oleh sesuatu model pengukuran konstruk, iaitu *Absolute Fit*, *Incremental Fit* dan *Parsimonious Fit*.

Jadual 1: Tiga Kategori Indeks Kesepadanan Serta Jenis Indeks Yang Diiktiraf

Nama Kategori	Nama Indeks	Tahap Penerimaan
Absolute Fit Index	RMSEA	RMSEA < 0.08
	GFI	GFI > 0.90
Incremental Fit Index	AGFI	AGFI > 0.90
	CFI	CFI > 0.90
	IFI	IFI > 0.90
	TLI	TLI > 0.90
	NFI	NFI > 0.90
Parsimonious Fit Index	Chisq/df	Chi-Square/df < 5.0

***Indeks yang selalu digunakan oleh penyelidik. Sumber: Awang (2015)

- b) Kesahan Menumpu (*Convergent Validity*) - Merujuk kepada perkaitan sesuatu model pengukuran dengan model pengukuran yang lain secara teori. Kesahan Menumpu


sesuatu konstruk akan dapat dicapai jika semua nilai Purata Varian yang di Ekstrak atau *Average Variance Extracted* (AVE) mencapai nilai minimum 0.50 (Awang 2012; 2014; 2015; Hoque et al. 2017; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016).

- c) Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity*) - Menerangkan sejauh mana sesuatu konstruk itu tidak mempunyai hubungan yang terlalu kuat dengan suatu konstruk lain dalam model yang sama sehingga boleh dikatakan sesuatu konstruk itu adalah bayangan atau ulangan (*redundant*) dari konstruk yang satu lagi (Awang 2012; 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016). Kesahan Diskriminan dinilai melalui Ringkasan Indeks Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity Index Summary*). Mengikut Awang (2014; 2015) dan Hoque et al. (2017), kesahan diskriminan untuk konstruk boleh tercapai jika semua nilai diagonal matrix adalah lebih besar daripada nilai-nilai lain di dalam sel baris dan juga dalam sel lajur. Nilai diagonal matrix adalah punca kuasa dua purata varian yang diekstrak (AVE) manakala nilai-nilai dalam metrik itu ialah korelasi antara konstruk dalam model.
3. Kebolehpercayaan (*Reliability*) - Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) tidak mengguna pakai nilai ukuran Kebolehpercayaan Dalaman atau *Internal Reliability* yang diukur melalui nilai *Cronbach Alpha*, Sebaliknya SEM mengguna pakai nilai Kebolehpercayaan Komposit (*Composite Reliability* – CR) dan juga nilai Purata Varian yang diekstrak atau *Average Variance Extracted* (AVE). Terdapat dua kriteria untuk mengesahkan kebolehpercayaan Model Pengukuran dalam sesuatu kajian, iaitu:
 - a) Kebolehpercayaan Komposit (*Composite Reliability*, CR) - Nilai CR diukur menggunakan pemberat faktor (*factor loading*) setiap item di dalam sesuatu konstruk itu. Setiap konstruk laten itu perlu mencapai nilai CR minimum 0.60 ($CR > 0.6$) untuk dianggap sebagai telah mencapai Kebolehpercayaan Komposit (CR) (Awang 2014; 2015; Hoque et al. 2017; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016).
 - b) Purata Variasi Yang Diekstrak atau *Average Variance Extracted* (AVE) - Nilai AVE juga dikira menggunakan pemberat faktor (*factor loading*) setiap item di dalam sesuatu konstruk itu. Nilai AVE perlu mencapai had minimum 0.50 ($AVE > 0.5$) untuk membuktikan kebolehpercayaan Model Pengukuran sesuatu konstruk laten dalam kajian ini telah tercapai (Awang 2014; 2015; Hoque et al. 2017; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016).

Seterusnya proses Analisis Faktor kesahan (AFK) model pengukuran setiap konstruk yang terlibat dalam model kajian diperihalkan di bawah secara terperinci.

CFA Untuk Model Pengukuran Konstruk Pengetahuan Agama

Konstruk Pengetahuan Agama mempunyai satu dimensi pengukuran yang mengandungi 5 item. Rajah 1 menggambarkan Model Pengukuran susun atur yang mengukur konstruk laten Pengetahuan Agama. Analisis indeks kesepadanan (*Fitness Indexes*) dalam Jadual 2 menunjukkan Model Pengukuran konstruk Pengetahuan Agama telah mencapai nilai tahap Indeks Kesepadanan seperti yang tertera di dalam Jadual 1 di atas. Ini bermakna Kesahan Konstruk (*Construct Validity*) untuk konstruk ini telah dicapai (Awang 2011; 2012; 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016).



Rajah 1: Model Pengukuran Susun Atur Konstruk Pengetahuan Agama

Jadual 2: Analisis Untuk Menentukan Kesahan Konstruk (*Construct Validity*)

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks	Dapatan Kajian
1. Absolute fit	RMSEA	0.000	Mencapai tahap yang ditetapkan
2. Incremental fit	CFI	1.006	Mencapai tahap yang ditetapkan
3. Parsimonious fit	ChiSq/df	0.318	Mencapai tahap yang ditetapkan

Nilai-nilai yang mengukur Kesahan Menumpu atau *Convergent Validity* (AVE) dan Kebolehpercayaan Komposit atau *Composite Reliability* (CR) dibentangi dalam Jadual 3. Daripada Jadual 3 didapati kesemua nilai AVE telah mencapai had minimum 0.5. Ini menunjukkan Kesahan Menumpu konstruk ini telah dicapai (Awang 2011; 2012, 2014; 2015; Hoque et al. 2017). Jadual 3 juga menunjukkan kesemua nilai CR juga telah mencapai had minimum 0.6. Ini bermakna Kebolehpercayaan Komposit untuk konstruk ini juga telah dicapai (Awang 2011; 2012, 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016).


Jadual 3: Nilai AVE dan CR Untuk Konstruk Pengetahuan Agama

Konstruk	Sub-Konstruk	Faktor Pemberat (<i>Factor Loading</i>)	CR (atas > 0.6)	AVE (atas > 0.5)
Pengetahuan Agama	PA1	0.64	0.839	0.516
	PA2	0.62		
	PA3	0.92		
	PA4	0.70		
	PA5	0.67		

CFA Untuk Model Pengukuran Konstruk Kaedah Penyampaian

Konstruk Kecerdasan Emosi mempunyai satu dimensi pengukuran (5 item). Rajah 3 menggambarkan Model Pengukuran susun atur yang mengukur konstruk laten Kecerdasan

Emosi. Analisis Indeks Kesepadanan (*Fitness Indexes*) dalam Jadual 6 menunjukkan Model Pengukuran konstruk Kecerdasan Emosi telah mencapai nilai tahap Indeks Kesepadanan seperti yang tertera di dalam Jadual 1 di atas. Ini bermakna Kesahan Konstruk (*Construct Validity*) untuk konstruk ini telah dicapai (Awang 2011; 2012; 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Kashif et al. 2016)



Rajah 3: Model Pengukuran Susun Atur Kedua Konstruk Kecerdasan Emosi

Jadual 6: Analisis Untuk Menentukan Kesahan Konstruk (*Construct Validity*)

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks	Dapatan Kajian
1. Absolute fit	RMSEA	0.038	Mencapai tahap yang ditetapkan
2. Incremental fit	CFI	0.999	Mencapai tahap yang ditetapkan
3. Parsimonious fit	ChiSq/df	1.368	Mencapai tahap yang ditetapkan

Jadual 7: Nilai AVE dan CR Untuk Konstruk Kecerdasan Emosi


Konstruk	Sub-Konstruk	Faktor Pemberat (<i>Factor Loading</i>)	CR (atas > 0.6)	AVE (atas > 0.5)
Kecerdasan Emosi	KE1	0.77	0.942	0.804
	KE2			
	KE3	0.79		
	KE4	1.00		
	KE5	1.00		

Nilai-nilai yang mengukur Kesahan Menumpu atau *Convergent Validity* (AVE) dan Kebolehpercayaan Komposit atau *Composite Reliability* (CR) dibentangi dalam Jadual 7. Daripada Jadual 7 didapati kesemua nilai AVE telah mencapai had minimum 0.5. Ini menunjukkan Kesahan Menumpu konstruk ini telah dicapai (Awang 2011; 2012, 2014; 2015; Hoque et al. 2017). Jadual 7 juga menunjukkan kesemua nilai CR juga telah mencapai had

minimum 0.6. Ini bermakna Kebolehpercayaan Komposit untuk konstruk ini juga telah dicapai (Awang 201; 2012, 2014).

Analisis Faktor kesahan (AFK) Gabungan Semua Model Pengukuran (*Pooled CFA*)

Analisis Faktor kesahan (AFK) Gabungan (*Pooled CFA*) ini perlu untuk menilai nilai korelasi antara konstruk di dalam prosedur Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity*). Jika nilai korelasi antara konstruk melebihi 0.85, dua konstruk itu dikatakan bayangan antara satu sama lain (*redundant*) (Awang 2015; Awang et al. 2015a; Hoque et al. 2017; Kashif et al. 2016). Rajah 4 menunjukkan semua konstruk aras pertama dengan mengambil min skor untuk setiap dimensi. Semua konstruk dihubungkan dengan anak panah dua kepala (*double headed arrow*) untuk menganggar nilai korelasi antara satu sama lain untuk analisis kesahan diskriminan.




Rajah 4: Model Pengukuran Kesemua Konstruk Di Gabungkan Untuk Prosedur CFA Serentak

Dapatan prosedur Analisis Faktor kesahan (AFK) Gabungan (*Pooled CFA*) ditunjukkan dalam Rajah 5. Seperti biasa, nilai di anak panah satu kepala (*Single headed arrow*) ialah nilai pemberat faktor setiap item, manakala nilai pada anak panah dua kepala (*Double headed arrow*) ialah korelasi antara konstruk. Melalui kaedah Analisis Faktor Kesahan (AFK) Gabungan, hanya satu indeks kesepadanan model yang mewakili kesemua konstruk dikeluarkan. Dapatan daripada Jadual 8 menunjukkan kesemua tiga kategori indeks kesepadanan model untuk kesemua model pengukuran konstruk telah di capai.

Jadual 8: Nilai Indeks Kesepadanan Model Untuk Tiga Kategori Kesepadanan

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks	Dapatan Kajian
1. Absolute fit	RMSEA	0.067	Mencapai tahap yang ditetapkan
2. Incremental fit	CFI	0.960	Mencapai tahap yang ditetapkan
3. Parsimonious fit	ChiSq/df	2.148	Mencapai tahap yang ditetapkan

Indeks Kesahan Menumpu (*Convergent Validity*) dan Kebolehpercayaan Komposit (*Composite Reliability*) hasil daripada dapatan dari Rajah 5 ditunjukkan dalam Jadual 9. Jadual 9 menunjukkan nilai Pemberat Faktor (*Factor Loading*), Kebolehpercayaan Komposit (*Composite Reliability*) dan Kesahan Menumpu (*Convergent Validity*) untuk semua konstruk yang terlibat dalam model. Nilai dalam Jadual 9 menunjukkan kesemua konstruk telah mencapai nilai kebolehpercayaan dan Kesahan yang diperlukan. Selepas ini, penyelidik boleh menjalankan prosedur Pemodelan Persamaan Berstruktur atau SEM. Satu lagi keperluan kesahan yang perlu dicapai oleh semua konstruk dalam model ialah Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity*). Kesahan diskriminan adalah perlu untuk membuktikan bahawa semua konstruk dalam model tidak mempunyai pertalian yang kuat antara satu sama lain sehingga membawa kepada masalah *multicollinearity* (Awang 2014; 2015; Awang et al. 2015a; Hoque et al. 2017; Kashif et al. 2016). Pembuktian ini memerlukan penyelidik membina jadual Ringkasan Indeks Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity Index Summary*).



Rajah 5: Dapatan hasil daripada prosedur CFA Konstruk Gabungan (*Pooled Construct CFA*)

Jadual 9: Nilai Pemberat Faktor, Kebolehpercayaan Komposit dan Kesahan Menumpu

Konstruk	Sub-Konstruk	Faktor Pemberat (Factor Loading)	CR (>0.6)	AVE (>0.5)
Pengetahuan Agama	PA1	0.76	0.865	0.563
	PA2	0.70		
	PA3	0.84		
	PA4	0.76		
	PA5	0.68		
Kaedah Penyampaian	KP1 & KP2	0.63	0.877	0.645
	KP3	0.88		
	KP4	0.92		
	KP5	0.75		
Kecerdasan Emosi	KE1	0.63	0.916	0.696
	KE2	0.60		
	KE3	0.85		
	KE4	1.00		
	KE5	1.00		
Peningkatan Amal Ibadah	Akidah	0.84	0.747	0.531
	Syariat	0.89		
	Akhlak	0.31		
Akidah	Akd1	0.69	0.931	0.600
	Akd2	0.80		
	Akd3	0.79		
	Akd4	0.74		
	Akd5	0.77		
	Akd6	0.80		
	Akd7	0.84		
	Akd8	0.72		
	Akd9	0.81		
Syariat	S1	0.85	0.953	0.631
	S2	0.87		
	S3	0.82		
	S4	0.76		
	S5	0.81		
	S6	0.81		
	S7	0.84		
	S8	0.77		
	S9	0.77		
	S10	0.88		

	S11&S12	0.79		
	S13	0.79		
Akhlak	Akh1&Akh2	0.78	0.947	0.573
	Akh3&Akh4	0.63		
	Akh5	0.81		
	Akh6	0.84		
	Akh7	0.88		
	Akh8	0.82		
	Akh9	0.76		
	Akh10	0.81		
	Akh11	0.84		
	Akh12	0.77		
	Akh13	0.80		
	Akh14	0.83		
	Akh15&Akh16	0.79		
	Akh17	0.60		

Jadual 10 membentangkan nilai punca kuasa dua indeks Kesahan Menumpu (AVE) bagi setiap konstruk pada metrik diagonal. Nilai-nilai lain dalam jadual adalah korelasi antara dua konstruk. Mengikut Awang (2014; 2015); Awang et al. (2015a); Hoque et al. (2017); Kashif et al. (2016), Kesahan Diskriminan akan dicapai jika kesemua nilai punca kuasa dua kesahan menumpu (AVE) (*Diagonal*) adalah lebih besar daripada nilai-nilai lain sama ada nilai pada baris dan juga pada lajur. Dapatan daripada Jadual 10 menunjukkan Kesahan Diskriminan untuk semua konstruk dalam model telah dicapai.

Jadual 10: Ringkasan Indeks Kesahan Diskriminan

Konstruk	Pengetahuan Agama	Kaedah Penyampaian	Kecerdasan Emosi	Peningkatan Amal Ibadah
Pengetahuan Agama	0.750			
Kaedah Penyampaian	0.410	0.803		
Kecerdasan Emosi	0.160	0.330	0.834	
Peningkatan Amal Ibadah	0.660	0.270	0.450	0.729

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Analisis CFA yang dijalankan ke atas model pengukuran bagi konstruk Pengetahuan Agama, Kaedah Penyampaian, Kecerdasan Emosi dan Peningkatan Amal Ibadah (Akidah, Syariat dan Akhlak) telah mencapai nilai tahap indeks kesepadanan (*fitness indexes*). Manakala analisis Faktor Kesahan (AFK) gabungan semua model pengukuran (*Pooled CFA*), menunjukkan kesemua tiga kategori indeks kesepadanan model untuk kesemua model

pengukuran konstruk telah di capai dan kesahan diskriminan untuk semua konstruk dalam model juga telah dicapai.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Awang, Z. 2014. *A handbook on SEM for academicians and practitioners: the step by step practical guides for the beginners*. Bangi: MPWS Rich Resources.
- Awang, Z. 2015. *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling*. Bangi: MPWS Rich Resources.
- Byrne, B.M. 2001. *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Byrne, B.M. 2013. *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming*. 2nd's Edition. New York: Routledge.
- Chua, Y.P. 2014. *Kaedah dan statistik penyelidikan: Ujian regresi, analisis faktor, dan analisis SEM, Buku 5*. Edisi ke-2. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., & Tatham, R.L. 2006. *Multivariate data analysis*. 6th's Edition. New Jersey: Pearson Education International.
- Hoque, A.S.M.M, Awang, Z., Jusoff, K., Salleh, F., & Muda, H. 2017. Social business efficiency: Instrument development and validation procedure using structural equation modelling. *International Business Management* 11(1): 222-231.
- Kashif, M., Samsi, S.Z.M., Awang, Z., & Mohamad, M. 2016. EXQ: measurement of healthcare experience quality in Malaysian settings: A contextualist perspective. *International Journal of Pharmaceutical and Healthcare Marketing* 10(1): 27-47.
- Kline, R.B. 2016. *Principles and practice of structural equation modeling*. 4th's Edition. New York: The Guilford Press.
- Samsiah Abu Bakar. 1992. Jemaah Tabligh: peranannya dalam perkembangan Islam masa kini dan pandangan masyarakat terhadapnya. Satu tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Schumucker, R.E. & Lomax, R. 2004. *A beginner's guide to structural equation modeling*. 2nd's Edition. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Syarul Azman Shaharuddin. 2006. Keberkesanan metode dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur. Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zaitun Mohamed. 2003. Dakwah jemaah tabligh di Markaz Fathul Ulum. Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zarifah Yusof. 1999. Jemaah Tabligh di Dungun: suatu kajian tentang penerimaannya di kalangan masyarakat Dungun. Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.